



K E M E N T E R I A N K E R J A R A Y A

MALAYSIA

KENYATAAN MEDIA

PEMBUKAAN SEKSYEN 6, WCE BAKAL TINGKATKAN PEM-BANGUNAN EKONOMI DI PANTAI BARAT NEGERI SELANGOR

ASSAM JAWA, SELANGOR - Menteri Kerja Raya, YB Dato Sri Alexander Nanta Linggi meninjau kemajuan kerja-kerja pembinaan Seksyen 6, Lebuhraya Pesisiran Pantai Barat (WCE). Beliau menjangkakan impak positif yang signifikan hasil daripada pembinaan lebuh raya ini terhadap kemajuan ekonomi dan komuniti setempat.

Seksyen 6, WCE ini yang bermula dari Persimpangan Bertingkat Bandar Bukit Raja (Utara)/Kapar ke Persimpangan Bertingkat Assam Jawa (sambungan terus ke penghujung Lebuhraya LATAR) sepanjang 21.8 kilometer, dijangka siap sepenuhnya pada penghujung tahun ini.

Lebuh raya yang dibina menggunakan standard R6 dengan dua (2) lorong dua (2) hala akan dapat mengubah landskap pengangkutan di kawasan tersebut dengan penjimatan masa perjalanan antara bandar-bandar utama sekitar Klang, Shah Alam, Puncak Alam dan Kuala Selangor, yang mana masa perjalanan dari Klang ke Kuala Selangor/Ijok dijangka dapat dikurangkan sehingga 30 minit.

Lebuh raya ini juga dijangka memberi manfaat besar dalam merancakkan industri pelancongan di kawasan ini serta membantu menarik lebih ramai pelancong ke destinasi pelancongan seperti Kuala Selangor, Jeram, Bandar Warisan Batu Arang, Sky Mirror serta Taman Kelip-Kelip Kampung Kuantan.

Manfaat Lebuhraya WCE ini juga akan dirasai oleh usahawan industri kecil dan sederhana (IKS) serta peniaga tempatan sebagai jaringan hubungan pengangkutan yang lancar, aktiviti perniagaan akan menjadi lebih mudah dan dapat meningkatkan jualan serta keuntungan perniagaan selari dengan pertambahan pengunjung ke kawasan tersebut, sekaligus dapat menambah peluang pekerjaan.

Unit Komunikasi Korporat | Kementerian Kerja Raya Malaysia

⊕ WWW.KKR.GOV.MY ⊕ PRO@KKR.GOV.MY ⊕ [KEMENTERIAN KERJA RAYA](#) ⊕ [KKR_MALAYSIA](#) ⊕ [@MOWORKS](#) ⊕ [KEMENTERIAN KERJA RAYA OFFICIAL](#)

Tel : 03 8000 8000 / D.L : 03 2771 4616 / 4627 | Faks : : 03 2711 1101

Jalan Sultan Salahuddin,
50580 Kuala Lumpur



K E M E N T E R I A N K E R J A R A Y A

MALAYSIA

KENYATAAN MEDIA

Lawatan kerja Menteri Kerja Raya ke Seksyen 6, WCE menunjukkan komitmen berterusan Kerajaan Malaysia MADANI terhadap keperluan komuniti sekitar dengan menyediakan kemudahan infrastruktur terbaik kepada rakyat.

Menteri Kerja Raya berharap LLM dan Syarikat Konsesi WCE dapat memastikan pembinaan siap mengikut jadual dan mengambil langkah-langkah perlu untuk menangani sebarang masalah yang timbul agar kemudahan infrastruktur penting ini dapat dinikmati segera oleh pengguna lebuh raya sebagai pilihan alternatif terutama di musim perayaan dan hujung minggu.

KEMENTERIAN KERJA RAYA

26 JULAI 2023

Unit Komunikasi Korporat | Kementerian Kerja Raya Malaysia

⊕ WWW.KKR.GOV.MY ⓐ PRO@KKR.GOV.MY ⓑ [KEMENTERIAN KERJA RAYA](#) ⓒ [KKR_MALAYSIA](#) ⓑ [@MOWORKS](#) ⓒ [KEMENTERIAN KERJA RAYA OFFICIAL](#)

Tel : 03 8000 8000 / D.L : 03 2771 4616 / 4627 | Faks : : 03 2711 1101

Jalan Sultan Salahuddin,
50580 Kuala Lumpur